



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia (IAB, KPM) dengan ini mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) KPM yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat kelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

JAWATAN	TEMPAT
PENSYARAH KANAN GRED DG48	IAB BANDAR ENSTEK

A. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan umum seperti yang berikut:
 - Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya pada peringkat Sarjana;
 - Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan;
 - Telah disahkan kenaikan pangkat Gred Hakiki (pemangkuan) @ Gred DG48(KUP)/ DG52(KUP)/ DG54(KUP);
 - Purata markah LNPT untuk tiga (3) tahun terakhir adalah 90% dan ke atas;
 - Bebas daripada tindakan tatatertib;
 - Sihat tubuh badan;
 - Telah mengisytiharkan harta;
 - Bukan Peminjam Pendidikan Tegar dari Institusi Pinjaman Pendidikan;
 - Tidak digalakkan untuk memohon melanjutkan pelajaran dalam tempoh tiga (3) tahun setelah berkhidmat di IAB;
 - Sedia berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di IAB Bandar Enstek; dan
 - Mempunyai baki perkhidmatan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pada tarikh iklan ditutup.

B. CARA PERMOHONAN

- Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen wajib seperti yang berikut melalui e-mel upsmiv@iab.moe.gov.my .
 - Gambar berukuran pasport;
 - Salinan Kad Pengenalan;
 - Resume;
 - Surat Pengesahan Pelantikan;
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan;
 - Surat Kenaikan Pangkat terkini (pada gred semasa);
 - Kelulusan pada peringkat Sarjana atau lebih tinggi; dan
 - Salinan Buku Perkhidmatan (Maklumat perkhidmatan dan rekod cuti) yang disahkan.

2. Tarikh tutup permohonan pada **20 September 2024 (Jumaat)**.
3. Maklumat lanjut berkaitan perkara ini sila berhubung dengan **Unit Pengurusan Sumber Manusia** melalui e-mel atau di alamat seperti di bawah:

Pejabat Pendaftar
Institut Aminuddin Baki
Kompleks Pendidikan Nilai
71760 Bandar Enstek
Negeri Sembilan
Tel: 06-7979200